

UTM juara simulasi perniagaan IPTA

Kuala Lumpur: Tempoh perseediaan singkat bukan penghalang bagi syarikat E-Z Sdn Bhd (E-Z) dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memberi persembahan terbaik sekali gus muncul juara Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA Peringkat Kebangsaan Kedua 2013.

Kumpulan dianggotai lima pelajar wanita itu mengutip 72.32 mata, menewaskan 14 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain.

Ia membolehkan mereka membawa pulang piala pusingan Menteri Pengajian Tinggi, wang tunai RM10,000, piala iringan serta sijil penyertaan.

Ketua Pegawai Eksekutif E-Z, Chim Wei Wen, berkata kumpulannya hanya melakukan persiapan tiga hari sebelum pertandingan berlangsung dan tidak menaruh ha-

rapan tinggi lebih-lebih lagi ia adalah penyertaan kali pertama universitinya.

Beliau yang juga pelajar tahun dua Sarjana Muda Perakaunan berkata, dalam pertandingan itu, syarikatnya memasarkan produk dikenali 'E-Z Refillable Marker Pen' yang boleh mengisi dakwat pen pena dengan lebih cepat dan mudah serta boleh dijual pada harga lebih murah.

Miliki nilai komersial

"Produk ini hasil rekaan pelajar UTM sendiri daripada Pusat Inovasi Pelajar (CSI) dan kami memilih untuk memasarkannya kerana yakin ia memiliki nilai komersial dan boleh dipasarkan dengan berkesan.

"Ternyata pilihan kami tepat apabila juri menyukai teknologi digunakan dalam penghasilan produk ini selain cara

syarikat kami membentangkan idea, rancangan perniagaan dan bagaimana mengatasi cabaran dihadapi.

"Walaupun hanya simulasi dan tidak membabitkan wang sebenar, halangan dan cabaran dihadapi adalah sama dengan apa yang ditempuhi usahawan

**“
Walaupun hanya simulasi dan tidak membabitkan wang sebenar, halangan dan cabaran dihadapi adalah sama dengan apa yang ditempuhi usahawan di luar”**

Chim Wei Wen,
Ketua Pegawai Eksekutif E-Z

di luar," katanya selepas majlis penutupan pertandingan itu di sini, semalam.

Hadiah disampaikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim dan Pengarah Eksekutif Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) UUM, Prof Dr Hassan Ali.

Naib juara disandang Universiti Putra Malaysia dengan 67.83 mata dan tempat ketiga dimenangi UUM (67.61). Masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 dan RM3,000 serta pingat dan sijil penyertaan.

Kategori CEO Terbaik pula dimenangi Adyleen Azman dari Universiti Malaysia Terengganu dan menerima hadiah wang tunai RM1,000, pingat dan sijil.